

PENDIDIKAN NILAI DARI KISAH *ASHAB AL-JANNATAIN* DALAM ERA DIGITAL

VALUE EDUCATION FROM THE STORY OF ASHAB AL-JANNATAIN IN THE DIGITAL ERA

Nurul Afifah Binti Mohd Affendi¹
Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi*²
Norhapizah Mohd Burhan³
Mahfuzah Mohammed Zabidi⁴

¹ Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia (p146546@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia (izzar@ukm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 26400 Jengka, Pahang (izahuiaum@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor (mahfuzah3051@uitm.edu.my)

*Corresponding author: izzar@ukm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025
Revised date : 26-8-2025
Accepted date : 27-9-2025
Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mohd Affendi, N. A., Mohammed Zabidi, A. F., Mohd Burhan, N., & Mohammed Zabidi, M. (2025). Pendidikan nilai dari kisah Ashab al-Jannatain dalam era digital. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 658 – 671.

Abstrak: Golongan remaja masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran nilai akibat pengaruh dari perkembangan teknologi dan media sosial yang semakin berleluasa pada era digital tanpa sempadan. Pendedahan yang tidak terkawal kepada budaya hedonisme, kecenderungan melakukan pelbagai trend semasa yang tidak bermoral dan perbandingan sosial yang tidak realistik dalam alam maya menuntut pendekatan pendidikan nilai yang lebih mendalam berteraskan kepada prinsip wahyu. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis pendidikan nilai berdasarkan kisah Ashab al-Jannatain serta melihat hubungannya dalam membentuk peribadi remaja pada era digital. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif melalui pendekatan analisis tematik terhadap tafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan pengumpulan data daripada karya-karya tafsir, buku dan jurnal. Hasil kajian mendapati terdapat empat pendidikan nilai yang penting dalam kisah Ashab al-Jannatain seperti nilai rendah hati (tawaduk), amar ma'ruf nahi munkar, nilai syukur, taat dan tetap pendirian. Implikasi kajian ini menegaskan keperluan memperkukuh pendekatan pendidikan nilai berteraskan naratif al-Quran seperti kisah pemilik dua kebun dalam surah al-Kahfi bagi melahirkan generasi yang cemerlang dan unggul berpaksikan nilai rabbani. Pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam menangani cabaran era digital yang kompleks, bahkan menjadikan panduan Ilahi sentiasa dipraktikkan dalam segenap aspek kehidupan manusia.

Kata Kunci: Pendidikan Nilai, Remaja, Era Digital, Ashab Al-Jannatain, Al-Quran

Abstract: *Youth today are facing significant value-related challenges due to the rapid growth of technology and the widespread influence of social media in the borderless digital era. Uncontrolled exposure to hedonistic culture, immoral trends and unrealistic social comparisons highlights the need for value education grounded in divine revelation. This article analyses value education from the story of Ashab al-Jannatain and its relevance for shaping youth character in the digital age. This study employs a qualitative approach through thematic analysis of Quranic exegesis, books and journal articles. The finding identifies four significant values from the story of Ashab al-Jannatain, including humility (tawaduk), enjoining good while forbidding evil (amar ma'ruf nahi munkar), gratitude, obedience and steadfastness. The implications of this study affirm the importance of strengthening value education based on Quranic narratives to nurture a virtuous generation. Such an approach remains highly relevant for addressing the challenges of the digital era and ensuring the application of divine guidance in all aspects of human life.*

Keywords: *Value Education, Youth, Digital Era, Ashab al-Jannatain, Quran*

Pendahuluan

Era digital merupakan suatu fasa perkembangan teknologi yang semakin pesat seiring dengan perkembangan zaman (Indra Kahfi, 2025). Kemajuan ini telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam pendidikan nilai sesebuah masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kebaikan sesama insan dalam era digital dapat diwujudkan melalui pelbagai bentuk yang tidak hanya melibatkan bantuan fizikal, tetapi juga sokongan moral, perkongsian maklumat dan bantuan teknikal menerusi platform digital. Antara contoh kebaikan di ruang digital adalah seperti menyebarkan maklumat yang bermanfaat, berkongsi kisah inspiratif atau video yang boleh memberikan semangat serta sokongan moral kepada orang lain melalui media sosial (Betti Fariati & Abu Anwar, 2025).

Namun begitu, era digital juga memberi kesan terhadap nilai dan norma sosial apabila budaya yang serba pantas dan segera ini dapat menjadikan generasi muda lebih individualistik, gemar berbelanja secara berlebihan dan kurang menghargai proses. Mereka cenderung mencari solusi yang cepat tanpa mempertimbangkan kesan jangka panjang yang berpotensi mengubah cara mereka dalam memandang kerja keras, ketekunan dan tanggungjawab (Nur Arifin, 2025). Malah, impak globalisasi memunculkan era persaingan yang berbicara tentang keunggulan. Hanya manusia unggul yang mampu bertahan dalam kehidupan yang penuh persaingan. Oleh karena itu, salah satu persoalan yang muncul adalah mengenai keupayaan meningkatkan kualiti manusia melalui pendidikan nilai (Beny Dwi Lukitoaji, 2021).

Kajian berkenaan era digital bukanlah perkara baru dalam keilmuan Islam. Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan seperti penulisan bertajuk “Dampak Cerita Kisah Nabi dan Rasul terhadap Pendidikan Karakter Generasi Muda di Era Digital” yang telah dilakukan oleh Farhat Mahmudi dan Jenuri pada tahun 2024. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dengan memanfaatkan media digital sebagai sarana penyampaian cerita, remaja tidak hanya didorong untuk memahami nilai-nilai agama, tetapi juga memperkuat daya kritis dan moraliti mereka. Lebih menarik lagi, kenyataan yang disebut oleh Syed Salim, Farid dan Syahmie (2023) menyatakan bahawa era digital tanpa sempadan membolehkan budaya hedonisme dengan mudah dibawa masuk ke negara ini dengan mengikut acuan Barat. Arus negatif bawaan era digital ini telah merosakkan nilai-nilai murni, adab serta budaya masyarakat Melayu yang diwarisi sejak sekian lama.

Pendidikan nilai adalah pengajaran atau bimbingan kepada siswa agar menyadari nilai kebenaran, kebaikan dan keindahan melalui proses pertimbangan nilai yang tepat dan pembentukan amalan yang berterusan. Bahkan, tujuan pendidikan nilai meliputi proses mendidik yang bermula daripada usaha menyedarkan individu tentang kepentingan nilai sehingga terbentuknya tingkah laku yang mempunyai nilai dan makna. Pendidikan nilai juga berfungsi sebagai medium untuk membimbing manusia kepada nilai-nilai luhur serta memperkenalkan norma yang baik dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, dalam dunia moden dan era digital, pendidikan nilai perlu bersifat dinamik dengan menyesuaikan pendekatan dan pengajarannya agar kekal relevan dengan cabaran semasa (Qiqi Yulianti & Rusdiana, 2014).

Antara kajian lepas berkaitan nilai dilakukan oleh Wan Basyirah, Zaidi dan Irfan (2025) yang memfokuskan tentang analisis nilai-nilai budaya dalam kisah surah al-Kahfi. Data yang ditemui berlandaskan Teori Orientasi Nilai Budaya mendapati terdapat enam kutipan nilai budaya yang berkait permasalahan utama kehidupan daripada empat kisah dalam surah al-Kahfi. Begitu juga nilai pendidikan akhlak turut ditemukan dalam dialog di antara Luqman dan puteranya serta kisah Musa dan puteri Nabi Syu'aib dalam kajian mengenai "Karakteristik dan Nilai-Nilai Moral dalam Qashashul Quran: Perspektif Etika Islam" yang dilakukan oleh Nita Fauziah et al (2024).

Perkara ini diperkukuhkan lagi oleh Fatimah Nurlala, Achmad Abubakar dan Hamka Ilyas (2024) yang menyokong bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran tetap relevan dan dapat digunakan sebagai pedoman etika serta prinsip-prinsip moral yang mampu membantu generasi kini dalam menghadapi cabaran pada zaman moden meskipun wahyu al-Quran diturunkan jauh sebelum munculnya era teknologi dan media sosial. Selain itu, pendidik juga memainkan peranan penting dalam menerapkan integrasi nilai-nilai al-Quran dalam pendidikan digital.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke Mesir pada November 2024 yang lalu, mengatakan bahawa anak-anak muda Islam perlu dilengkapi dengan ilmu keagamaan termasuk al-Quran selain ilmu dalam bidang teknologi, supaya mereka dapat mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pelbagai bidang seperti kecerdasan buatan (AI). Beliau juga menegaskan bahawa semua pelajar Islam di Malaysia diwajibkan untuk membaca 40 hadith Arbain Imam Nawawi bersama terjemahan, yang merupakan kali pertama dalam sejarah penerapan sebegini dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara. Perkara yang dilakukan ini menunjukkan kepelbagaian usaha beliau dalam menerapkan dan mengukuhkan pendidikan nilai pada jati diri anak muda agar menjadi asas pegangan hidup di dunia yang semakin mencabar.

Antara medium pendidikan nilai yang paling utama ialah kisah-kisah dalam al-Quran yang sarat dengan *ibrah* sepanjang zaman. Allah SWT memberikan contoh sikap dan perlakuan manusia dalam kisah al-Quran agar dapat dijadikan pelajaran sebagaimana fungsi kisah-kisah tersebut diceritakan untuk diambil iktibar dan pengajaran (Muhamad Aroka, 2021; Mahmud Hasan, t.th). Kisah-kisah al-Quran mengandungi penceritaan mengenai keadaan umat-umat terdahulu termasuk peristiwa yang terkandung dalamnya, sama ada kisah orang-orang yang tidak dinyatakan kenabian mereka seperti kisah *Ashab al-Kahfi* dan kisah dua orang anak Adam iaitu Qabil dan Habil, atau kisah para nabi dan rasul bersama kaum mereka serta pemberitahuan mengenai peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW seperti peperangan, peristiwa hijrah, *Isra' Mikraj* dan sebagainya (Abdul Karim, 1975M). Malah, sepertiga dari isi

kandungan al-Quran merupakan kisah-kisah yang bertujuan sebagai pelajaran bagi umat manusia (Ai Nurhasanah, 2021). Firman Allah dalam surah Yusuf ayat 3:

مَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyadari akan halnya.

Melalui kisah *Ashab al-Jannatain* yang bermaksud pemilik dua kebun, Mohammad Reeza Febriza (2024) menghasilkan satu tesis yang bertajuk “Kisah Dua Pemilik Kebun dalam Al-Quran (Kajian Ath-Thabari dan Al-Qurthubi Pada Surah Al-Khafi)”. Kajian menjelaskan perbezaan dan persamaan serta *tamsil* daripada dua orang mufassir terhadap kisah ini. Beliau menyatakan kisah *Ashab al-Jannatain* adalah sebuah perumpamaan tentang dua orang yang hidup di dunia dan menolak untuk bersosialisasi dengan orang-orang yang beriman menurut pentafsiran al-Qurtubi. Manakala, al-Thabari mentafsirkan ayat-ayat kisah pemilik kebun lebih kepada penggunaan riwayat-riwayat dalam menjelaskan pentafsirannya serta lebih berfokuskan kepada bahasa dan qira’at. Berbeza pula dengan Mohamad Shahril dan Ruslinawati (2024) yang melihat ayat pada surah ini sebagai satu kolerasi dengan teori pertanian. Kajian ini menyimpulkan bahawa fitnah harta atau nikmat dunia perlu ditempuhi dengan keimanan agar tidak wujudnya sifat sombong.

Selain itu, Ai Nurhasanah (2021) dalam penelitiannya menjelaskan pentafsiran Hamka dalam kitab tafsirnya al-Azhar mengenai kisah *Ashab al-Jannatain* dan mengaitkan kisah tersebut dengan pemuda zaman sekarang. Begitu juga menurut Fatkhiyatus Su’adah (2023) mendapati bahawa gaya hidup pemuda dapat diekspresikan melalui aktiviti yang dilakukan, minat, cara menyatakan pendapat serta interaksi mereka dengan persekitaran. Malah, tercermin melalui kisah *Ashab al-Jannatain* ini dua gaya hidup yang berbeza iaitu gaya hidup hedonisme atau *duniawi* dan gaya hidup beragama atau *ukhrawi*. Justeru, menurut Wan Basyirah, Zaidi dan Irfan (2023), melalui konteks kisah dalam surah al-Kahfi bukan sahaja sekadar kisah ajaib, tetapi juga signifikan dalam menyelesaikan masalah utama kehidupan yang berlaku dan menyuburkan nilai budaya positif dalam diri masyarakat. Bahkan, tidak dinafikan bahawa salah satu cara Allah mendidik manusia adalah dengan metode kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran agar dapat diambil pesan moral yang terkandung dalamnya, di samping menjadi suatu amal ibadah kepada Allah SWT (M.Yarni & Muhammad Ridha, 2022).

Demikian itu, penulisan ini dapat memberi nilai tambah melihat pada aspek yang lebih khusus berbanding kajian sebelumnya yang bersifat umum dengan memberi fokus pendidikan nilai daripada kisah al-Quran iaitu kisah *Ashab al-Jannatain*. Ia merupakan satu perbahasan yang signifikan terutama kepada umat Islam di akhir zaman kini dalam menghadapi cabaran era digital tanpa sempadan yang penuh dengan tipu daya dunia, cabaran perkembangan teknologi yang meluas diikuti fitnah kekuasaan, pengaruh dan kekayaan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti pendidikan nilai berpandukan kisah al-Quran yang memberi fokus pada kisah pemuda pemilik dua kebun (*Ashab al-Jannatain*), seterusnya menghubungkannya dalam konteks era digital. Pendidikan nilai yang baik menjadi asas utama dalam menghadapi cabaran era digital serta menjadi satu perbahasan yang perlu dikembangkan

dan diberi penekanan yang kukuh dalam meningkatkan pemahaman remaja tentang kepentingan nilai dalam menghadapi cabaran era digital yang kian memuncak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan analisis tematik. Fokus utama kajian adalah untuk meneliti pendidikan nilai sebagaimana yang ditampilkan dalam kisah *Ashab al-Jannatain* dalam surah al-Kahfi sebagai pendekatan yang relevan dalam menghadapi pelbagai isu dan cabaran pada era digital. Teknik pengumpulan data dilakukan melalui beberapa kitab tafsir klasik dan kontemporari seperti tafsir Ibn Kathir, Ibn 'Ashur dan al-Sa'di dalam surah al-Kahfi berfokuskan kepada kisah *Ashab al-Jannatain* mengikut turutan ayat yang bermula daripada ayat 32 hingga ayat 42. Selain itu, data-data turut dikumpulkan melalui buku-buku, beberapa artikel jurnal dan literatur yang berkaitan sebagai data tambahan dan sokongan. Melalui pendekatan ini, ayat-ayat yang berkaitan dengan kisah *Ashab al-Jannatain* dianalisis secara bertema untuk mengenal pasti pendidikan nilai yang diperolehi melalui kisah *Ashab al-Jannatain* dan bagaimana pendidikan nilai tersebut boleh diaplikasikan dalam konteks era digital.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pendidikan Nilai

Di Malaysia, bidang pendidikan berkembang maju atas dasar kehendak dan permintaan pasaran serta era globalisasi. Fenomena ini berlaku disebabkan trend pendidikan dunia masa kini yang serba canggih dan moden (Norliza Hamzah & Hidayat Abdullah, 2021). Manakala, nilai merupakan sesuatu yang tersemat dalam diri manusia yang wajar dipraktikkan serta dipertahankan sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang memiliki keistimewaan tersendiri berbanding makhluk lain kerana dikurniakan dengan kelebihan akal, perasaan, hati nurani, kasih sayang, moral, budi pekerti dan etika. Tambahan pula, aspek kejiwaan dilihat sebagai elemen penting kerana tingkah laku individu sangat dipengaruhi oleh faktor yang terbentuk dalam alam pemikirannya (Nur Arifin, 2025).

Maka, pendidikan nilai merupakan suatu usaha sadar yang terancang dalam proses pembelajaran bagi membentuk etika, moral dan budi pekerti anak muda sebagai makhluk Tuhan yang mempunyai keterampilan untuk diaplikasikan dalam dunia masyarakat, bangsa dan negara (Tri Sukitman, 2016). Tidak diragui lagi bahawa pendidikan berasaskan nilai atau *value based education* telah dikenali sebagai pendekatan yang penting bagi menangani krisis moral dan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya remaja (Qiqi Yulianti & Rusdiana, 2014; Mohammad Najib et al. 2025).

Di samping itu, menurut Alwi Ilqam dan Mukh Nursikin (2024), pendidikan Islam pada era digital turut menawarkan peluang tanpa batas dalam memperluas kebolehan akses, mengembangkan metode pembelajaran yang inovatif dan memperkuat pendidikan nilai. Hal ini kerana, teknologi digital dapat berfungsi sebagai alat yang efektif dalam menyokong pendidikan nilai sekiranya digunakan dengan strategi yang tepat (Alwi Ilqam & Mukh Nursikin, 2024). Bahkan, (Indra Kahfi, 2025) menambah bahawa kemajuan teknologi di era digital yang tidak diimbangi dengan keimanan dan ketakwaan berpotensi mencetuskan kemerosotan akhlak dan nilai dalam kalangan remaja.

Era Digital

Secara umumnya, era digital merujuk kepada suatu zaman yang memperlihatkan perubahan gaya hidup manusia apabila pergantungan terhadap peranti elektronik menjadi keperluan harian yang sukar dipisahkan daripada kehidupan (Hasri Harun & Hasliza Mohamad, 2021). Tidak dinafikan bahawa era digital telah membuka peluang yang banyak dalam memudahkan akses terhadap pelbagai maklumat dan data, namun fenomena ini juga telah mewujudkan cabaran baru seperti pengaruh negatif media sosial, penyebaran maklumat yang tidak sahih serta pelbagai tingkah laku negatif yang mudah ditemui di dunia maya (Salsa Nurhabibah, Herlini & Siti Fatimah, 2025).

Seiring berjalannya waktu, era digital akhirnya akan memberi kesan kepada seluruh aspek kehidupan termasuk pendidikan (Hasri Harun & Hasliza Mohamad, 2021). Perkembangan teknologi yang pesat telah memajukan kehidupan, namun didapati turut mewujudkan cabaran moral seperti budaya *flexing* di media sosial, mempamerkan kehidupan peribadi secara berlebihan sama ada melalui barangan mewah mahupun amalan ibadah yang menjadi gambaran kurangnya sifat rendah hati (tawaduk) serta bercampurnya niat dengan perasaan *riya'* (ingin menunjuk) (Mala Hayati & Luthviya, 2022). Selain itu, eksploitasi komersial dalam era digital turut menjadi satu cabaran kepada pendidikan nilai apabila iklan dan kandungan berbayar sering mempromosikan gaya hidup hedonistik, materialistik serta memberi penekanan terhadap penampilan fizikal yang mempengaruhi tanggapan pengguna terhadap keutamaan nilai yang sewajarnya diutamakan (Alwi Ilqam & Mukh Nursikin, 2024). Gejala-gejala ini menunjukkan kepentingan peranan pendidikan nilai dalam kehidupan manusia.

Kisah Ashab al-Jannatain

Surah al-Kahfi merupakan surah yang ke-18 dalam al-Quran dan mengandungi 110 ayat. Menurut Firdaus et al (2021), karakteristik utama dalam surah al-Kahfi adalah dimuatkan pelbagai kisah dalam satu surah tersebut seperti kisah *Ashab al-Kahfi* yang menceritakan tentang kisah tujuh orang pemuda, kisah *Ashab al-Jannatain*, kisah Nabi Musa dengan seorang hamba Allah yang soleh dan juga kisah Dzulqarnain yang memberikan bantuan kepada penduduk suatu negeri. Kisah-kisah ini menjadi inspirasi sepanjang zaman dan sebagai pedoman hidup bagi generasi selanjutnya, termasuk generasi saat ini khususnya para pemuda (Ai Nurhasanah, 2021). Tambahan pula, nilai-nilai Islam yang terdapat pada setiap ayat dan kisah al-Quran menjadi sangat penting kerana melalui nilai-nilai tersebut seseorang itu dapat mengambil pengajaran daripada setiap peristiwa yang digambarkan dalam kisah al-Quran (Firdaus et al. 2021).

Kisah *Ashab al-Jannatain* mengisahkan tentang dua pemuda lelaki, salah seorang dari pemuda tersebut Allah memberikannya dua buah kebun dipenuhi tumbuhan anggur yang dikelilingi pohon-pohon kurma dan di antara dua kebun itu dibuatkan ladang (Ai Nurhasanah, 2021). Firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 32:

وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا

Maksudnya: Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.

Al-Sa'di (2002) dalam tafsirnya mengatakan bahawa Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW untuk memberi penjelasan dengan mendatangkan perumpamaan dua orang lelaki namun berbeza wataknya, iaitu seorang yang bersyukur atas nikmat Allah dan seorang lagi kufur akan nikmat-Nya. Ibn 'Ashur (1404H) menyebutkan bahawa perumpamaan kisah ini menyerupai kisah pemuda *Ashab al-Kahfi* dari tempoh zaman yang lebih dekat. Kemudian daripada perumpamaan ini menunjukkan perbuatan dan perkataan yang berbeza diperlihatkan daripada kedua-dua individu tersebut. Malah daripada kisah *Ashab al-Jannatain* turut menceritakan akibat dari perbuatan yang dilakukan sama ada mendapat azab atau *thawab* (pahala), seterusnya menjadi pengajaran dan peringatan kepada umat manusia (Al-Sa'di, 2002).

Pendidikan Nilai dari Kisah *Ashab Al-Jannatain* dalam Era Digital

Melalui ayat-ayat daripada kisah *Ashab al-Jannatain* menunjukkan empat pendidikan nilai yang terkandung dalam kisah ini, seterusnya dapat diaplikasikan dalam konteks era digital antaranya:

1. Bersikap rendah diri sebagai hamba Allah (tawaduk).

Allah SWT mengurniakan kepada lelaki yang kafir nikmat yang tidak terhingga iaitu dua buah kebun yang subur. Ibn 'Ashur (1404H) menyebutkan bahawa di antara keindahan kebun adalah apabila ianya dikelilingi dengan pepohon yang berbuah. Keindahan kebun digambarkan dengan pohon anggur yang berada di tengah-tengahnya, kemudian dikelilingi pohon kurma yang tumbuh subur tuaiannya bahkan tidak kurang sedikit pun hasil buah-buahannya serta mempunyai aliran sungai di celah-celah kebun tersebut yang sentiasa mengalir airnya (Al-Sa'di, 2002; Naila Nurul, 2018). Akan tetapi nikmat yang diberikan Allah tersebut tidak diiringi dengan rasa syukur dan juga keimanan kepada Allah SWT, sehingga pemilik kebun tersebut merasakan bahawa apa yang diusahakan adalah hasil jerih payahnya sendiri tanpa adanya campur tangan Allah SWT (Firdaus et al. 2021). Firman Allah SWT:

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ
قَالَ مَا أَظُنُّ أَن تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا وَمَا أَطُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن رُّدِدْتُ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِّنْهَا مُنْقَلَبًا

Maksudnya: Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah dia kepada rakannya, semasa dia berbincang dengannya: Aku lebih banyak harta daripadamu dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai. Dan dia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang dia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil dia berkata: Aku tidak fikir kebun ini akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak fikir, hari kiamat akan berlaku dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini.

(Surah al-Kahfi: 34-36)

Ibn 'Ashur menjelaskan kalimah ثمر merupakan perkataan *jama'* dari lafaz ثمار yang menunjukkan bahawa pemilik kebun tersebut turut memiliki pelbagai jenis harta lain yang mendatangkan keuntungan. Meskipun begitu, pemilik dua kebun telah menzalimi dirinya sendiri kerana menjadi orang musyrik yang mengingkari Hari Kebangkitan serta menyombongkan diri terhadap nikmat Allah ke atasnya. Bahkan, beliau meyakini bahawa kedua kebunnya tidak akan musnah atau binasa (Ibn 'Ashur, 1404H). Menurut al-Sa'di dan Ibn 'Ashur, ungkapan pemuda tersebut yang mengatakan bahawa jika berlakunya Hari Kiamat,

maka dia akan memperoleh ganjaran yang lebih baik dari dua kebunnya itu hanyalah bertujuan untuk memperolokkan dan mempersendakan sahabatnya yang beriman.

Kisah al-Quran ini menjadi satu pengajaran serta peringatan dengan menegaskan bahawa sikap angkuh dan sombong hanya akan membawa kepada kemusnahan dan kerugian, manakala pengakhiran bagi orang yang bersikap merendah diri dan tawaduk adalah memperoleh kebaikan serta kejayaan (Ibn 'Ashur, 1404H). Nilai tawaduk membawa maksud rendah hati, lawan dari takabur dan sombong (Purnama Rozak, 2017). Sifat tawaduklah yang harus mengisi hati dan menghiasi diri orang yang beriman kerana orang yang tawaduk sentiasa sedar bahawa setiap yang dimiliki semuanya adalah kurniaan dan pinjaman daripada Allah semata-mata dan bukanlah miliknya secara mutlak.

Dalam konteks era digital, media sosial seharusnya menjadi wadah untuk menyebarkan dakwah, berkongsi kebaikan dan memperkenalkan nilai-nilai positif. Namun begitu, tidak dinafikan media sosial juga digunakan sebagai platform untuk mempamerkan kecantikan dan tubuh, tanpa menyedari bahawa ia telah menjadi salah satu bentuk *tabarruj* yang bertentangan dengan ajaran Islam (Muhammad Ihsan & Kharis Nugroho, 2025). Sebagai contoh, budaya *flexing* iaitu tindakan menunjukkan dan mempamerkan sesuatu yang dimiliki atau dilakukan untuk mendapatkan perhatian serta pengakuan daripada orang lain. Dalam al-Quran fenomena *flexing* dapat dikaitkan dengan konsep seperti *riya'* (menunjuk), *ujub* (membanggakan diri), *takabbur* (kesombongan) serta *hubb al-dunya* (cintakan dunia) yang menunjukkan perilaku yang tidak disukai Allah dan dapat mengundang kepada kerugian spiritual (Mala Hayati & Luthviah, 2025).

Flexing yang berlebihan dapat memicu kesombongan dan keangkuhan yang berupaya merosakkan keseimbangan jiwa serta menyebabkan perilaku yang tidak terkawal. Perasaan sombong inilah yang menjadikan seseorang itu merasa bangga dengan dirinya sendiri, bahkan memandang dirinya lebih hebat berbanding orang lain. Namun, kesombongan yang paling parah adalah sombong kepada Rabbnya dengan menolak kebenaran dan angkuh untuk tunduk kepada-Nya sama ada pada hal ketaatan atau mengesakan-Nya (Ika Parlina, Tatang Hidayat & Istianah, 2022). Tidak sewajarnya bagi seorang manusia yang bersifat dengan lemah lagi daif memiliki rasa sombong dan berasa hebat kerana harta yang dimiliki bukanlah miliknya secara mutlak. Seperti yang diungkapkan oleh Imam Fakhruddin al-Razi menjelaskan bahawa kehidupan duniawi mengandungi hikmah dan menjadi ujian bagi amal manusia, manakala kehidupan yang tercela adalah kehidupan yang mengikuti hawa nafsu dan syaitan (Mala Hayati & Luthviah, 2025).

2. *Amar ma'ruf nahi munkar* (mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran).

Firman Allah SWT:

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاكَ رَجُلًا

Maksudnya: Berkatalah rakannya kepadanya, semasa dia berbincang dengannya: Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Dia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? (Surah al-Kahfi: 37)

Ibn 'Ashur (1404H) menyatakan perbualan yang berlaku ini menunjukkan bahawa teman pemilik kebun telah menasihatinya tentang iman dan amal soleh, meskipun dibalas dengan

perkataan yang mengandungi unsur kemegahan dan kesombongan. Pemuda yang beriman itu menegur dan mengingatkan pemilik dua kebun terhadap kekufuran serta keingkaran kepada Allah SWT (Ibn Kathir, 1420H). Hal ini kerana harta yang banyak boleh menjadi kurang atau hilang, begitu juga harta yang sedikit boleh berubah menjadi banyak. Ini menunjukkan bagaimana pemilik dua kebun terpedaya dengan kekayaan yang dimiliki, kesuburan pohon-pohon di kebunnya serta air yang mengalir di sekeliling kebun yang dimilikinya (Ibn 'Ashur, 1404H).

Menurut al-Sa'di (2002) ayat al-Quran di atas menunjukkan nasihat dan peringatan dari sahabatnya yang beriman kepada pemuda tersebut tentang asal-usulnya sebagai makhluk ciptaan Allah di muka bumi ini daripada tiada kepada ada. Sahabat beriman itu mengingatkan kembali proses kejadiannya sebagai manusia dari satu peringkat kepada satu peringkat sehingga menjadi seorang lelaki yang sempurna akal dan fizikalnya yang kemudiannya diberikan nikmat yang tidak terhingga. Setiap yang diperolehi bukanlah hasil daripada diri sendiri tetapi merupakan kurniaan dan rahmat kasih sayang Allah kepada hamba-Nya. Oleh itu, al-Sa'di (2002) menyebutkan tidak selayaknya bagi seorang hamba menjadi kufur nikmat sehingga tidak mengakui Hari Kebangkitan.

Peristiwa ini menunjukkan bahawa seorang muslim yang bertakwa tidak hanya akan memikirkan tentang dirinya sahaja, tetapi juga menjalankan tanggungjawabnya kepada saudaranya yang lain seperti yang dilakukan oleh pemuda beriman dalam kisah *Ashab al-Jannatain*. Nilai mengajak kepada kebaikan dan mencegah perkara kemungkaran merupakan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW meskipun dengan cara selemah-lemah iman iaitu melalui hati. Hal ini dilakukan oleh sahabat beriman yang berusaha meyakinkan pemilik dua kebun agar mengetahui kesalahannya atas pengingkaran kepada Allah dan Hari Kiamat dengan cara menegur menggunakan lisannya (Naila Nurul, 2018).

Dalam konteks era digital, penggunaan media sosial selama hampir 24 jam sehari bukan sahaja menyajikan maklumat yang bermanfaat, tetapi juga mempunyai pelbagai risiko lain seperti modus kejahatan, penipuan, penyebaran video yang tidak wajar ditonton dan tindakan ganas yang menjadi tontonan umum pada zaman ini, seterusnya menjadi masalah sosial yang sulit ditangani. Justeru, salah satu sasaran efektif *amar ma'ruf nahi munkar* adalah melalui pemanfaatan teknologi moden dalam bidang maklumat dan komunikasi. Kemajuan dalam bidang informasi dan telekomunikasi harus dimanfaatkan oleh para penggiat dakwah sebagai medium penyebaran pendidikan nilai agar ia dapat diterima secara lebih meluas dan pantas. Bahkan, pelaksanaan konsep *amar ma'ruf nahi munkar* di media sosial berpotensi memberi kesan positif kepada masyarakat, terutamanya dengan memperkenalkan ajaran Islam kepada generasi yang aktif menggunakan media sosial, sekaligus menangkis pengaruh negatif seperti kemaksiatan dan kemungkaran (Rizky Wahyu, 2022).

Selain itu, para remaja perlu bijak dalam memilih hiburan yang sesuai agar tidak terjerumus kepada kesan buruk akibat ketagihan digital yang berlebihan (Indra Kahfi, 2025). Sekiranya sesuatu hantaran di media sosial tidak membawa sebarang manfaat, maka lebih baik dielakkan bagi menghindari kesan negatif dalam jejak digital (Nur Arifin, 2025). Di samping itu, ibu bapa juga perlu membimbing anak-anak supaya memilih kandungan yang bermanfaat serta menghindari bahan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam agar mereka tidak terjebak dengan hiburan yang berlebihan atau mengandungi unsur kekerasan dan kebencian (Betti Fariati & Abu Anwar, 2025).

3. Taat dan tetap pendirian.

Firman Allah SWT :

لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا

Maksudnya: Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhanku dan aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku.

(Surah al-Kahfi: 38)

Al-Sa'di (2002) dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan tentang pengakuan pemuda beriman ini terhadap kekuasaan Allah sebagai pencipta seluruh alam meskipun dalam keadaan bersendirian saat berhadapan dengan sahabatnya yang kafir. Malah, pada kisah ini dapat dilihat jelas keiltizaman beliau dalam mentaati dan mentauhidkan Allah yang Esa kerana mengetahui nilai iman dan takwa menjadi ukuran sebenar yang dinilai oleh Allah SWT. Sahabat yang beriman itu tetap mengakui sifat *rububiyah* dan *wahdaniyyatullah* (Ibn 'Ashur, 1404H; Ibn Kathir, 1420H). Tambahan pula, menurut Ibn 'Ashur (1404H) lafaz pemuda tersebut ketika menyebut: "Dan aku tidak mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun" merupakan *tawkid lafzi* dalam meneguhkan pengakuannya.

Ayat ini menunjukkan pendirian kukuh pemuda yang beriman, meskipun pemuda kafir tersebut berkeras dengan kekafiran dan kedegilannya, namun sahabatnya yang beriman ini tidak terkesan, malah menzahirkan rasa syukur kepada Tuhannya dan tidak mensyirikkan Allah dengan satu pun dari makhluk ciptaan-Nya yang lain. Beliau mengakui bahawa nikmat yang sebenar adalah nikmat Iman dan Islam meskipun sedikit harta dan anaknya kerana nikmat dunia ini sentiasa terdedah akan kehilangan pada bila-bila masa serta akan dihisab kelak (Al-Sa'di, 2002). Menurut Firdaus et al (2021) dari percakapan tersebut dapat disaksikan bahawa pemuda yang beriman itu tidak terpancing emosinya ketika mendengarkan ucapan sahabatnya yang mengandungi kekufuran tersebut. Lelaki yang beriman itu hanya ingin mengingatkan perkara yang akan menimpa kebun tersebut kerana kekufuran yang telah diperbuat oleh sahabatnya yang kafir.

Dalam konteks era digital, media sosial telah menjadi medium yang mempercepat penyebaran kandungan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam melalui pelbagai platform seperti Tiktok, Instagram dan Youtube. Menurut Muhammad Ihsan dan Kharis Nugroho (2025) wanita generasi kini khususnya, gemar mengikuti trend di media sosial yang melibatkan aspek berpakaian, bersolek, berjoget dan seumpamanya sehingga mengabaikan kehormatan serta martabat sebagai wanita muslimah. Begitu juga pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dijadikan '*content*' yang ditayangkan secara berleluasa. Fenomena seperti ini mampu mempengaruhi tanggapan remaja yang menjadikan percampuran lelaki dan perempuan sebagai perkara biasa yang bukan sekadar merendahkan martabat wanita muslimah, malah mendorong kepada sikap fanatik demi mendapat *like* dan pengikut dalam jumlah yang besar.

Kesemua gejala ini bermula daripada keinginan memperoleh pengiktirafan sosial yang kini menjadi keutamaan dalam era digital. Ramai wanita muslimah yang akhirnya terjebak dalam kitaran mencari pujian, pengikut serta peluang ekonomi melalui kandungan '*content*' yang memperlihatkan aurat atau solekan berlebihan. Perbuatan ini telah menjadi kebiasaan, bahkan mendorong masyarakat untuk tanpa segan mengikuti trend dan berjoget mengikut irama, meskipun pada hakikatnya hal tersebut sangat dilarang oleh agama Islam khususnya bagi golongan wanita (Mala Hayati & Luthviya, 2025). Jelaslah, hal ini menuntut generasi kini untuk

sentiasa patuh kepada syariat Islam dan berprinsip teguh, sekaligus menjadi benteng yang kuat daripada pengaruh negatif media sosial yang melalaikan.

4. Bersyukur terhadap nikmat kurniaan Allah.

Setiap kurniaan Allah seperti nikmat harta atau anak jika tidak digunakan dengan sebaiknya untuk mentaati dan mendapat keredhaan Allah, maka ia tidak akan bermakna. Al-Sa'di (2002) menyebutkan seseorang hamba itu haruslah menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT dengan mengucapkan kalimah "*masha Allah la quwwata illa billah*" ketika mempunyai nikmat dari segi harta atau anak agar menjadi penyebab kekalnya nikmat yang diberikan oleh Allah dan diberkati. Tafsiran beliau ini bertepatan dengan firman Allah SWT :

وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ إِنَّ تَرِنًا أَنَا أَقَلُّ مِنْكَ مَالًا وَوَلَدًا فَعَسَىٰ رَبِّي أَن يُوَفِّيَنَّ خَيْرًا مِّنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ السَّمَاءِ فَتُصْبِحُ صَعِيدًا زَلَقًا أَوْ يُصْبِحُ مَاؤها غُورًا فَلَنْ تَسْتَطِيعَ لَهُ طَلَبًا

Maksudnya: Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah). Kalau engkau memandang aku sangat kurang tentang harta dan anak berbanding denganmu. Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu dan (aku bimbang) Dia akan menimpakannya dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. Ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi.

(Surah al-Kahfi: 39-41)

Sahabat yang beriman tersebut mendoakan pemuda kafir seperti yang disebutkan dalam al-Quran dengan harapan bahawa pemuda tersebut akan bertaubat dan mendapat petunjuk. Maka, Allah SWT menerima doa sahabat yang beriman itu, lalu dimusnahkan seluruh kebun pemuda kafir tanpa meninggalkan sisa sedikit pun (Al-Sa'di, 2002). Ibn 'Ashur menegaskan bahawa segala nikmat dan kurniaan kepada seseorang hamba hanya berlaku dengan izin Allah SWT. Pada akhirnya, pemilik dua kebun menyesali perbuatan yang telah dilakukan, namun penyesalan itu tidak lagi bermanfaat setelah turunnya azab. Peristiwa ini menunjukkan bahawa Allah SWT telah memperkenankan harapan dan doa sahabat yang beriman kerana ketaatannya, manakala pemilik dua kebun ditimpa kemusnahan menyeluruh sebagai hukuman yang setimpal atas kekufurannya (Ibn 'Ashur, 1404H). Kebun yang dimilikinya dihancurkan kerana rendahnya rasa syukur dan keimanannya kepada Allah SWT (Firdaus et al. 2021). Firman Allah SWT :

وَأُحِيطَ بِثَمَرِهِ فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ مَا أَنفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا

Maksudnya: Dan segala tanaman serta harta bendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah dia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku!

(Surah al-Kahfi: 42)

Dalam konteks era digital, terdapat banyak isu perbandingan sosial yang berlaku mewujudkan perasaan *FOMO* (*Fear of Missing Out*) yang tinggi iaitu rasa takut ketinggalan disebabkan oleh perbandingan sosial. Bahkan, kajian menunjukkan bahawa perbandingan sosial yang tinggi mampu menjejaskan emosi apabila seseorang itu cenderung berasa rendah diri, iri atau hilang keyakinan diri hingga akhirnya akan membuat mereka tidak bahagia dan tidak berpuas hati dengan kehidupan sendiri (Asyrul Khatami, 2025). Fenomena ini memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi, terutama bagi individu yang merasakan kehidupannya tidak sepadan dengan gambaran kejayaan yang dipaparkan di media sosial sehingga menimbulkan rasa tidak bersyukur dengan kehidupan yang dimiliki (Mala Hayati & Luthviah, 2025) serta berasa tidak cukup (*insecurity*), khususnya apabila tidak disusuli dengan asas nilai spiritual yang kuat (Arlis Karlina & Komarudin, 2025).

Justeru, penanaman nilai syukur amatlah penting dan perlu kerana kehidupan sederhana yang dipenuhi rasa syukur akan jauh lebih menenangkan hati berbanding gaya hidup yang penuh dengan perbandingan sosial (Abdul Jabbar et al. 2025). Syukur merupakan konsep spiritual yang bersifat ritual dan membentuk peribadi dengan memberi kesedaran bahawa segala nikmat datang daripada Allah serta menuntut agar ia dimanfaatkan secara bertanggungjawab. Dalam konteks ini, syukur berperanan sebagai mekanisme psikologi yang dapat mengurangkan rasa iri hati, dengki dan ketidakpuasan, di samping menanamkan penghargaan terhadap setiap perkara yang bermakna seperti kesihatan, keluarga dan peluang menimba ilmu (Arlis Karlina & Komarudin, 2025). Maka, di antara cara mengungkap rasa syukur adalah dengan menyebut kalimah '*masha Allah la quwwata illa billah*' ketika memiliki atau melihat sesuatu nikmat seperti harta dan anak-anak, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Kathir (1420H) berdasarkan ayat 39 surah al-Kahfi.

Kesimpulan

Pendidikan nilai yang terungkap melalui kisah *Ashab al-Jannatain* amatlah signifikan dan wajar dijadikan kerangka dalam memperkukuh pembangunan akhlak serta jati diri remaja yang terdedah kepada pelbagai cabaran sosial, pengaruh budaya dan krisis kelompondan prinsip moral pada era digital. Malah, pendidikan nilai menjadi pendekatan efektif dalam pembentukan remaja yang beretika dan berintegriti dalam menghadapi cabaran era digital dengan bijaksana dan berilmu. Kisah ini menawarkan empat solusi yang relevan iaitu nilai rendah hati (*tawaduk*), *amar ma'ruf nahi munkar*, rasa syukur terhadap nikmat yang dimiliki, ketaatan kepada Allah serta keteguhan pendirian yang dapat dijadikan landasan penting dalam menangani krisis nilai yang wujud dalam kalangan remaja pada masa kini. Sehubungan itu, perkembangan pesat era digital menuntut agar kefahaman terhadap nilai melalui kisah-kisah dalam al-Quran diperkukuh dan dihidupkan kembali bagi membina generasi yang berperibadi teguh, berakhlak, sejahtera serta mampu memberi manfaat kepada masyarakat.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan (GUP) yang berdaftar secara rasmi dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah kod pendaftaran [GUP-2024-112].

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Jabbar et al. (2025). Flexing Sebagai Bentuk Nilai Penyimpangan Tawadhu : Motivasi gen Z Pamer di Media Sosial. *Jurnal Socius: Jurnal of Sociology Research and Education*, 1-12.

Abdul Karim Al-Khotib. (1975M/1395H). *Al-Qasas Al-Qurani Fi Manthuqi Wa Mafhumih*. Dar al-Ma'rifah.

Ai Nurhasanah. (2021). Kisah Ashhab Al-Jannatain dalam Al-Qur'an dan Relevansinya pada Pemuda Zaman Sekarang (Studi Analisis Surat Al-Kahfi Ayat 32-45).

Al-Sa'di, Abd Al-Rahman Nasir. (2002). *Taysir Al-Karim Al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 2. Saudi Arabia: Muassasah al-Risalah.

Alwi Ilqam & Mukh Nursikin. (2024). Pendidikan Nilai di Era Digital: Tantangan dan Peluang. *Afeksi: Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 5(2), 326-335.

Arlis Karlina & Komarudin Sassi. (2025). Pemaknaan Kontekstual Syukur Dan Relevansinya Bagi Pembentukan Karakter Generasi Alpha (Studi Kontekstual QS. Luqman Ayat 12). *Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 6(1), 160-169.

Asyurul Khatami Ramadhan. (2025). Social Comparison Dan Narsisme Terhadap Fenomena Fear Of Missing Out Pada Remaja Pengguna Instagram Di Man 9 Jakarta. Uin Syarif Hidayatullah Jakarta.

Bernama. (2024). Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anak-mudaislam-perlu-dilatih-terapkan-nilai-islam-dalam-bidang-ai-pm-anwar-495696>. [diakses pada 20 Ogos 2025].

Betti Fariati & Abu Anwar. (2025). Implementasi Nilai Karakter dalam Al-Qur'an: Mendidik Anak di Era Digital dengan Nilai-Nilai Pendidikan Islam. *Jurnal Inovasi, Evaluasi, dan Pengembangan Pembelajaran (JIEPP)*, 5(1), 164-176.

Fadli, Muhamad Aroka. (2021). Sikap Kritis Terhadap Penguasa Dalam Perspektif Al-Quran: Studi Analisis Surat Thaha. Al-Afkar, *Journal for Islamic Studies*, 4(1), 236-251.

Farhat Mahmudi & Jenuri. (2024). Dampak Cerita Kisah Nabi dan Rasul terhadap Pendidikan Karakter Generasi Muda di Era Digital. El Hayah: *Jurnal Studi Islam*, 14(1), 39-48.

Fatimah Nurlala, Achmad Abubakar & Hamka Ilyas. (2024). Moralitas Digital dalam Pendidikan: Mengintegrasikan Nilai-Nilai Al-Qur'an di Era Teknologi. *Journal of Instructional and Development Researches*, 4(6), 551-565.

Fatkhayatus Su'adah. (2023). *Quranic Intertextuality And Youth Lifestyle: A Textual Analysis Of Two Gardeners In Surah Al-Kahf*. *Journal of Islamic Studies*, 8(2), 289-303.

Firdaus et al. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Kisah As-Habul Pada Surat al-Kahfi Serta Implikasinya Terhadap Pembentukan Akhlaq (Telaah Kitab-Kitab Tafsir Tentang Kisah as-Habul Jannatain). *Jurnal Kajian Ilmu Pendidikan*, 1(2), 82-90.

Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 57-66.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. (1420H/1999M). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Pentahqiq: Sami bin Muhammad al-Salamah. Dar al-Thaibah, al-Riyadh.

Ika Parlina, Tatang Hidayat & Istianah. (2022). Konsep Sombong Dalam Al-Quran Berdasarkan Metode Pendekatan Tematik Digital Quran. *Civilization Research: Journal of Islamic Studies*, 1(1), 77-93.

Indra Kahfi. (2025). Transformasi Pendidikan Akhlak Dalam Mengatasi Penyimpangan Perilaku Sosial Remajadi Era Digital. *Maslahah: Journal of Islamic Studies*, 4(1), 9-38.

M. Pd, Beny Dwi Lukitoaji. (2021). Bahan Ajar Pendidikan Nilai. Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Pgri Yogyakarta.

- M.Yarni & Muhammad Ridha. (2022). Nilai Dalam Kisah Al-Quran. Mushaf Journal: *Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*, 2(2), 124-13.
- Mahmud Hasan. (T.th). *Waqafat Ma'a Al-Qasas Al-Qurani*. Aswan: Bi kulliyyah al-Dirasat al Islamiyyah.
- Mala Hayati & Luthviyah. (2025). Budaya Flexingdi Media Sosial Dan Implikasinya Terhadap Mentalitas Masyarakat Muslim: Perspektif Al-Qur'an Dan Psikologi Sosial. Pendas: *Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 10(2), 211-234.
- Mohamad Shahril bin Zainuddin & Ruslinawati Abdul Ghani. (2024). Interpretasi Surah Al Kahfi, Ayat 32 Hingga 46 Dan Korelasi Dengan Teori Pertanian: Satu Tinjauan. JTVE, *Special Edition NARTC*, 9(2), 386-399.
- Mohammad Najib et al. (2025). Pendidikan Nilai Ihsan Dalam Kurikulum Pendidikan Islam: Menangani Krisis Sosial Dalam Kalangan Remaja Pasca-Pandemik. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 8(1), 70-81.
- Mohammad Reeza Febriza. (2024). Kisah Dua Pemilik Kebun Dalam Al-Qur'an (Kajian Tafsir Ath-Thabari Dan Al-Qurthubi Pada Qs. Al-Kahfi (18: 32-44).
- Muhammad Ihsan & Kharis Nugroho. (2025). Fenomena Tabarruj Di Era Digital Dalam Perspektif Al-Quran. *Ma'had Alyjournal Of Islamic Studie*, 2(2), 1-30.
- Muhammad Thahir Ibn 'Ashur. (1404H/1984M). *Al-Tahrir wa Al-Tanwir*. Pentahqiq: Musthofa Abd al-Wahid Al-Dar al-Tunisiyyah, Tunisia.
- Naila Nurul Afifah. (2018). Kesombongan Laki-laki Pemilik Kebun Dalam Surat Al-Kahfi (Kajian Tafsir Tematik).
- Nita Fauziah et al. (2024). Karakteristik dan Nilai-Nilai Moral dalam Qashashul Quran: Perspektif Etika Islam. *Journal Of Islamic Studies*, 177-187
- Norliza Hamzah & Hidayat Abdullah. (2021). Pendidikan Nilai-nilai Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 19-30.
- Nur Arifin. (2025). Pendidikan Karakter Di Era Digital. Penerbit Tahta Media Group.
- Purnama Roza. (2017). Indikator Tawadhu Dalam Keseharian. *Jurnal Madaniya*. 1,XII, 174-187.
- Qiqi Yulianti & H. A. Rusdiana. (2014). Pendidikan Nilai Kajian Teori Dan Praktik Di Sekolah. Cv Pustaka Setia.
- Rizky Wahyu. (2022). Konsep Amar Ma'ruf Nahi Munkar Pada Media Sosial : Studi Deskriptif Implementasi Dakwah Pada Youtube Tafaqquh. Universitas Islam Negeri (Uin) Sultan Syarif Kasim Riau.
- Salsa Nurhabibah, Herlini Puspika & Siti Fatimah. (2025). Pendidikan Karakter di Era Digital: Tantangan dan Strategi dalam Membentuk Generasi Berakhlak Mulia. *Jurnal Manajemen dan Pendidikan Agama Islam*, 3(3), 194-206.
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin, Muhammad Farid Wajdi & Mohd Syahmi. (2023). Budaya Hedonisme Dalam Kalangan Remaja Muslim: Tinjauan Terhadap Pendidikan Akhlak Dalam Islam Menurut Kitab Penawar Bagi Hati Karya Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili. E-Prosiding, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tri Sukitman. (2016). Internalisasi Pendidikan Nilai Dalam Pembelajaran (Upaya Menciptakan Sumber Daya Manusia Yang Berkarakter). *Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar Ahmad Dahlan*, 2(2), 85-96.
- Wan Basyirah, Zaidi & Muhammad Irfan. (2022). Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi. E-Bangi: *Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(7), 19-32.